

# Peserta AS, Australia antara layak ke akhir

Oleh **AMIZUL TUNIZAR AHMAD**  
**TERMIZI dan SHARIFAH**  
**AZMAWATI SYED ABDUL AZIZ**

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 24 April - Dua gadis dari Amerika Syarikat (AS) dan Australia merupakan antara lima peserta yang layak ke pusingan akhir pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2014 esok.

Bridget Johnson, 19, dari AS dan Sally Jane Hill, 25, dari Australia paling menyerlah berbanding 12 peserta lain yang bertanding dalam kategori antarabangsa

pada pusingan separuh akhir di Pusat Kesenian Dan Kebudayaan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM) dekat sini hari ini.

Dalam pertandingan tersebut, Bridget yang belajar di Universiti Wisconsin, Madison di AS menyampaikan pidato bertajuk *Malaysia Syurga Makanan Dunia* manakala Sally, pelajar di Universiti La Trobe, Melbourne, Australia memilih tajuk *Alam Sekitar Milik Kita*.

Kedua-duanya dilihat berada dalam kelas tersendiri sejak pusingan awal kerana mereka bukan sahaja mampu berpidato dengan fasih dalam bahasa Melayu malah berkeyakinan di atas pentas.

Perbezaan paling ketara antara Bridget dan Sally dengan para peserta lain adalah dari segi gaya penyampaian yang menarik dan isi penyampaian yang sarat dengan fakta.

Selain mereka, seorang lagi pe-

serta yang perlu diberi perhatian dalam pertandingan akhir esok ialah penuntut Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Waleed Basil Mohammed Ali, 26, dari Iraq.

Waleed Basil yang menggelarkan dirinya sebagai 'Putera Iraq' bukan sahaja fasih berbahasa Melayu malah mampu menyampaikan pidato dengan baik kerana telah membuat perediaan rapi bagi m e n g h a d a p i pertandingan ini.

Dua lagi peserta yang berjaya layak ke pusingan akhir kategori antarabangsa ialah Chen Nan dari China dan Aiman Saleh Hasn Alamari

(Yemen).

Sementara itu, Thailand buat kali pertama akan mempunyai wakil dalam pusingan akhir kategori alam Melayu sejak PABM diperkenalkan pada 2007, apabila peserta dari negara itu, Mahamat Yusoh berjaya melepasi saingan sengit di pusingan separuh akhir hari ini.

Mahamet akan bersaing dengan peserta pilihan dari Malaysia, Aimalan Ariff Abdul Aziz dan Selamat Nur Anom dari Indonesia pada pusingan akhir esok.

PABM anjuran Kementerian Pendidikan menawarkan hadiah piala pusingan iaitu Piala Perdana Menteri, piala iringan, wang tunai RM23,100, hadiah iringan dan sijil kepada johan setiap kategori.

Naib johan pula akan membawa pulang piala iringan dan wang tunai RM16,500 manakala tempat ketiga akan menerima piala iringan dan wang tunai RM9,900.



**SALLY JANE HILL**



**BRIDGET JOHNSON**

## Pendapat peserta kategori antarabangsa

**Kalau** saya boleh menguasai bahasa Melayu, itu adalah aset untuk saya pergi jauh lagi dalam bidang ini seperti menjadi pensyarah dalam bidang pengajian Melayu kelak”  
**-PESERTA BELANDA**  
Rennie Roger Roos



**Bahasa** Melayu boleh menjadi 'jambatan' antara-bangsa yang menyatupadukan penduduk daripada pelbagai negara. Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri adalah bukti bagaimana pelajar yang berbeza bangsa dan agama dapat saling memahami dan bertukar-tukar fikiran dalam bahasa Melayu”

**-PESERTA RUSIA**  
Maria Mitsura



**Bagi** saya kalau tinggal di Malaysia lagi mudah dan cepat untuk belajar bahasa Melayu kerana pengalaman saya belajar di Universiti Malaya selama enam bulan banyak membantu saya”  
**-PESERTA CHINA**  
Chen Nan

